

CNS4761

R GB 23-09 00198 BB302

Bah

Mahathir - Kaya

JANGAN IRIHATI KEPADA ORANG KAYA, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 23 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat tidak perlu irihati kepada orang kaya kerana mereka boleh menumpang kekayaan itu melalui cukai yang dikutip oleh kerajaan.

"Kita perlu kepada orang yang pandai buat duit, lagi banyak duitnya, lagi banyak dia bayar cukai kepada kerajaan," katanya ketika menyampaikan ucapan penangguhan pada persidangan perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Ketua UMNO bahagian itu berkata, jika tiada orang kaya mustahil kerajaan dapat menyediakan pelbagai kemudahan untuk rakyat.

Terdahulu itu, beliau berkata anggota UMNO sering meminta pelbagai bantuan dan peruntukan untuk pelbagai tujuan, misalnya untuk membina jalan raya dan masjid, melalui persidangan perwakilan UMNO.

Permintaan dan jumlah peruntukan yang diminta juga bertambah sepanjang masa, katanya.

Katanya, rakyat juga tidak perlu marah kerana banyaknya padang golf dibina di negara ini kerana sungguhpun orang kaya menghabiskan wang mereka dengan bermain golf tetapi rakyat juga dapat menumpang faedah apabila mereka berbelanja untuk keperluan makan dan minum serta pembinaan padang golf juga memerlukan tanah dan lain-lain. -- Lagi

▼23/09/21-51MST

CNS4762

R GB 23-09 00186 BB303

Bah

Mahathir - Kaya 2 Jitra

Beliau berkata, di Langkawi harga tanah kini melambung tinggi kerana adanya permintaan untuk membina hotel dan pengusaha hotel boleh mengenakan harga yang tinggi kepada orang yang menginap di hotelnya.

"Kerana ada perubahan ini, kita boleh juga menumpang faedahnya," kata beliau.

Menurutnya, kerajaan kini menyediakan peruntukan pinjaman Amanah Saham Bumiputera (ASB) untuk rakyat termiskin tetapi ada pula yang tidak berapa miskin berasa irihati.

"Macam itu susahlah," katanya sambil menambah bahawa beliau telah melawat merata tempat di dunia tetapi belum berjumpa dengan kerajaan yang memanjakan rakyatnya seperti di Malaysia.

Sementara itu beliau berkata Majlis Tertinggi UMNO akan membincangkan untuk membolehkan kaum wanita yang bekerja dapat mengundi secara pos pada pilihan raya.

Katanya, adalah merugikan jika pekerja kilang terutamanya wanita tidak dapat mengundi pada pilihan raya.

Tetapi apa yang penting ialah mereka hendaklah memastikan mereka mendaftar sebagai pemilih untuk membolehkan mereka mengundi pada pilihan raya, katanya ketika menjawab usul Pergerakan Wanita yang meminta supaya kerajaan mengkaji dan menetapkan kaedah bagi membolehkan kaum wanita yang bekerja boleh mengundi. -- Lagi

▼23/09/21-53MST

CNS4763

R GB 23-09 00201 BB304

Bah

Mahathir - Kaya 3 Jitra

Perdana Menteri berkata, untuk memastikan peluang mereka untuk mengundi tidak dihalang mereka bukan sahaja perlu diberi peluang untuk meninggalkan tempat kerja untuk membuang undi tetapi juga mengundi melalui pos.

Katanya, "kita telah membuat beberapa perubahan untuk memudahkan pendaftaran tetapi masih ramai yang tidak berbuat demikian dan kita kecewa apabila hari mengundi tiba didapati orang yang berminat untuk mengundi namanya tak ada dalam daftar".

Kerajaan telah memberi kelonggaran supaya tidak mengambil kira tempat tinggal bagi membolehkan seseorang itu mendaftar sebagai pemilih dan mereka boleh mendaftar bukan di tempat tinggal sendiri, katanya.

Katanya, pekerja kilang juga boleh mendaftar dalam kawasanya dan apabila tiba hari mengundi dan mereka bekerja, kilang-kilang harus mengatur supaya pekerja mereka dapat keluar mengundi.

"Kalau itu tidak boleh dilakukan kerajaan akan melihat sama ada untuk meminda peraturan bagi membolehkan mereka mengundi melalui pos atau meminta kepada pengurus kilang untuk membenarkan pekerjaanya keluar mengundi," katanya.

Mengenai usul Pemuda yang mahukan kerajaan memainkan peranan dan mengambil langkah untuk mengawal pendidikan swasta di negara ini, Perdana Menteri berkata, beliau akan membawa usul yang dikemukakan itu kepada mereka yang berkenaan dalam bidang pendidikan. -- Lagi

▼23/09/21-54MST

CNS4764

R GB 23-09 00195 BB305

Bah

Mahathir - Kaya 4 (Akhir) Jitra

Usul yang dikemukakan oleh Pemuda itu juga mahukan supaya kerajaan melaksanakan program universiti berkembar di universiti tempatan supaya lebih ramai berpeluang memasuki universiti dan memastikan universiti tempatan mempertingkatkan pengambilán pelajar.

Pergerakan pemuda juga melahirkan perasaan bimbang kerana kolej-kolej swasta di negara ini mengutamakan bahasa Inggeris yang pada mereka bertentangan dengan Dasar Pendidikan Negara.

Perdana Menteri berkata sikap orang ramai yang suka mengaitkan pelajaran dengan bahasa seolah-olah pelajaran mesti dalam Bahasa Melayu.

Katanya, "walaupun demikian kita masih benarkan anak kita pergi keluar negara dan belajar dalam bahasa lain tetapi tidak di dalam negeri, kalau dalam negeri mesti dalam Bahasa Melayu".

Dr Mahathir berkata, kita mesti pelajari bahasa lain untuk dapatkan ilmu dan kerajaan membelanjakan sebanyak RM3,000 juta setahun untuk menghantar pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran di luar negara.

Katanya, kerajaan juga sentiasa menyemak kurikulum kursus yang terdapat pada kolej swasta dan memastikan mesti ada kursus diajar dalam Bahasa Melayu.

Kerajaan juga berusaha untuk menambah program universiti berkembar antara universiti tempatan dan universiti luar negara supaya lebih ramai pelajar mendapat pendidikan, katanya. -- Bernama

KHY AMJ OA

▼23/09/21-58MST